

## **Gaya Bahasa dalam Kepengarangan Puisi: Kajian Perbandingan Stilistik Penerima S.E.A Write Award Malaysia (Usman Awang) dan Indonesia (Afrizal Malna)**

Mohd Faradi Mohamed Ghazali  
[faradighazali@unisza.edu.my](mailto:faradighazali@unisza.edu.my)  
*Universiti Malaysia Kelantan*

Nordiana Ab. Jabar  
[nordiana.aj@umk.edu.my](mailto:nordiana.aj@umk.edu.my)  
*Universiti Malaysia Kelantan*

### **ABSTRAK**

Teknik penulisan dalam sesebuah karya sastera adalah cerminan dari legasi pemikiran dan keperibadian seseorang penulis. Pengungkapan melalui tema, persoalan dan langgam bahasa yang dihasilkan penulis meletakkan diri mereka dalam kategori yang tertentu. Puisi merupakan antara genre dianggap sukar untuk dimergertikan dari aspek pengayaan bahasa yang digunakan. Diksi yang minima tetapi sarat dengan perjuangan falsafah, menuntut pembaca untuk mentafsir dari pelbagai sudut persepsi. Tokoh penyair Malaysia seperti Usman Awang, A. Samad Ismail, dan Baha Zain antara penyair yang mempunyai identiti tersendiri dalam mewadahkan bahasa kreatif mereka. Begitu juga dengan negara Indonesia seperti Sapardi Djoko Damono, Chairil Anwar, dan Afrizal Malna turut mempunyai kredibiliti tersendiri dalam teknik penulisan puisi. Justeru itu, kajian ini dijalankan sebagai merungkai persoalan tentang proses penulisan sajak dari aspek teknik gaya bahasa yang disampaikan penyair. Pemilihan dua tokoh sastera nusantara iaitu Usman Awang dan Afrizal Malna yang juga penerima Anugerah S.E.A Write terawal dan mutakhir dalam skop kajian adalah bagi memperlihat identiti gaya bahasa yang diguna pakai mereka ketika proses pengkaryaan dijalankan. Kedua-dua tokoh ini begitu terkenal dengan aliran perjuangan kemanusiaan yang menjadikan penulisan sajak sebagai medan menyedarkan sikap kemanusiaan. Meskipun begitu, mereka mempunyai cara tersendiri dalam penyampaian karya. Kaedah kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan menganalisis dokumen teks. Teori stilistik dijadikan sebagai sandaran untuk merungkaikan setiap teknik gaya bahasa, unsur kesamaran, bauran kiasan dan simbolisme bagi membuktikan falsafah gaya penyampaian pengkarya. Hasil kajian perbandingan ini mendapati bahawa kedua-dua tokoh penyair ini mempunyai keunikan tersendiri dalam menyempurnakan tanggungjawab sebagai pejuang kemanusiaan. Rentak implisit, satira dan simbolisme yang digarapkan tokoh penyair Malaysia dan Indonesia ini adalah cerminan terhadap nilai falsafah keintelektualan mereka berkarya, di samping memberi kesedaran kepada masyarakat terhadap keunggulan sastera dalam memperjuangkan hak kemanusiaan yang tertindas.

**Kata Kunci:** Puisi Perbandingan, Gaya Bahasa, Teori Stilistik, Puisi Nusantara, S.E.A Write Award

## Language Styles in Poetry Authors: A Stylistic Comparison Study of Recipients S.E.A Write Award Malaysia (Usman Awang) and Indonesia (Afrizal Malna)

### ABSTRACT

The writing technique in a literary work is a reflection of the legacy of a writer's thoughts and personality. Expressions through themes, questions and language expressions produced by the author place themselves in a certain category. Poetry between genres is considered difficult to understand from the aspect of language styling used. Minimal but full of philosophical struggles requires the reader to interpret from various angles of perception. Malaysian poets such as Usman Awang, A. Samad Ismail, and Baha Zain are among the poets who have their own identity in conveying their creative language. Similarly, the Indonesian nation such as Sapardi Djoko Damono, Chairil Anwar, and Afrizal Malna also have their own credibility in poetry writing techniques. Therefore, this study was conducted to unravel the question of the process of writing poems from the aspect of language style techniques presented by poets. The selection of two nusantara literary figures, namely Usman Awang and Afrizal Malna who are also the recipients of the earliest and most recent S.E.A Write Award in the scope of the study is to show the identity of the language style used by them during the creative process. These two figures are so famous for the flow of humanitarian struggles that make poetry writing a platform to awaken the humanitarian attitude. Even so, they have their own way of delivering work. The method of this study was conducted qualitatively by analyzing the text documents. Stylistic theory is used as a basis to unravel every technique of language style, elements of ambiguity, fusion mixing and symbolism to prove the philosophy of the artist's delivery style. The results of this comparative study found that the two poets have their own uniqueness in fulfilling their responsibilities as humanitarian fighters. The implicit rhythm, satire and symbolism employed by Malaysian and Indonesian poets are a reflection of the philosophical value of their intellectualism in their work, while giving awareness to the community on the superiority of literature in fighting for oppressed human rights.

**Keywords:** Comparative Poetry, Language Style, Stylistic Theory, Nusantara Poetry, S.E.A Write Award.

### PENGENALAN

Kesusasteraan bandingan merupakan salah satu disiplin ilmu dalam bidang kajian sastera. Perkembangannya bermula di Eropah dengan rumpun kesusasteraan Eropah yang kemudiannya merebak masuk ke negara lain yang mempunyai aliran sama dengan kesusasteraan Eropah. Selain itu, disiplin ini turut tersebar ke negara luar dari lingkungan negara Eropah seperti India, Jepun, Asia Tenggara dan juga Amerika Selatan serta China. Konsep kesusasteraan bandingan ini tidak sama antara satu negara dengan negara lainnya. Konsep tersebut bergantung kepada pengemuka sastera bandingan yang muncul di setiap negara berkenaan. Schipper (1989, p. 1) mendefinisikan sastera bandingan sebagai "*The study of literature beyond the boundaries of one nation or culture or language. It also examines the relationships between literature and other areas, e.g. the arts, music, social sciences, religion, philosophy and so forth ... Theoretically, the comparative study of literature thus provides us with a wide and open field*".

Istilah kesusasteraan bandingan yang digunakan pada hari ini adalah terjemahan daripada perkataan *Comparative Literature*. Istilah tersebut merupakan perkataan daripada

bahasa Inggeris yang dipinjam daripada bahasa Perancis setelah Mathew Arnold menterjemahkan karya Jean-Jacques Ampere, berjudul *Histoires de la Littérature Française Au Moyen Âge Comparées Aux Littératures Étrangères* (1841) ke dalam bahasa Inggeris. Beliau merupakan sarjana Inggeris pertama yang menggunakan 'comparative' tersebut sedangkan orang Perancis lebih gemar menggunakan istilah *littérature comparée* yang dikemukakan oleh Abel François Villemain sekitar tahun 1829.

Terdapat lima pola utama yang biasa digunakan sebagai dasar atau bahagian utama kajian kesusasteraan bandingan iaitu kritikan dan teori kesusasteraan, gerakan kesusasteraan, kajian tema, kajian bentuk atau jenis sastera dan hubungan sastera dengan ilmu lain yang berkaitan. Selain tu, kunci takrif kesusasteraan bandingan adalah kajian secara sistematik yang bermaksud bandingan ciri-ciri yang terdapat dalam berbagai-bagai aspek sastera, misalnya diksi, gaya bahasa, tema, jalan cerita, plot, perwatakan, latar, masa dan huraian. Selain itu, menurut Rosni Samah (2014), Kesusasteraan Bandingan yang luas dan merangkumi pelbagai sempadan demografi seperti bangsa, budaya, ras, dan bahasa. Disiplin ini juga mencakupi hubungan kesusasteraan dari penelitian lain seperti nilai kepercayaan dan agama, kesenian, peralatan, adat, arca, seni mempertahankan diri, mural dan gaya kehidupan dalam sesebuah komuniti. Bahkan, ia juga membandingkan beberapa aspek dan konsep dalam sesebuah karya sastera seperti ilmu sejarah, politik, sosiologi, dan ekonomi.

Memandangkan pengkajian kesusasteraan bandingan boleh dilakukan melalui pelbagai aspek merentasi sempadan dan negara, pengkajian boleh difokuskan dengan mengambil kira pelbagai aspek kepengarangan penulis antara dua buah negara atau beberapa negara nusantara yang lain, ia tidak menjadi masalah asalkan kajian yang dijalankan mampu memberi pandangan yang berkaitan dengan makna perbandingan yang dipilih. Justeru, takrifan ini memberi satu pandangan pemahaman yang jelas bahawa disiplin Kesusasteraan Bandingan luas dan mampu dirincikan dalam pelbagai skop yang boleh ditanggapi antara karya sastera sesebuah negara dengan karya sastera negara lain.

## SOROTAN KEPUSTAKAAN

Tinjauan berdasarkan sorotan kajian lepas yang dijalankan, didapati kajian berkenaan Usman Awang dan Afrizal Malna kerap diperincikan berkenaan tema pengungkapan dalam penghasilan karya sajak mereka. Namun, aspek perbincangan mengenai penerapan teori stilistik menerusi perbandingan sajak kedua-dua tokoh ini masih belum diperluaskan. Azman Rahmat (2016) melalui kajian Doktor Falsafah bertajuk '*Pejuang Kemanusiaan: Satu Wacana Tentang Ketekalan Tema Kemanusiaan Dalam Puisi-Puisi Usman Awang*', merincikan isu kemanusiaan yang digembleng Usman Awang sepanjang dekad kepengarangannya. Kajian tersebut memberi penfokusan tentang kelaziman Usman Awang menerapkan persoalan kemanusiaan sebagai wadah pengkaryaan dalam pelbagai genre penulisan beliau. Namun, kajian tersebut membataskan isu terhadap genre puisi yang diukur dari dekad permulaan dan mutakhir karya kemanusiaan yang terhasil. Hasil kajian tersebut menjelaskan bahawa, Usman Awang meletakkan dirinya sebagai wakil suara kerdil masyarakat dalam mempertahankan pencabulan kemanusiaan yang semakin terhakis dari kuasa dan dasar pihak atasan. Meskipun Usman Awang tidak membabitkan dirinya dalam barisan pentadbiran negara, namun hasil penulisan perjuangan kemanusiaan tersebut mampu memberi sindiran halus kepada pihak berkenaan tentang kemelut yang berlaku terhadap masyarakat marhaen. Artikel bertajuk '*Mengenal Usman Awang*' yang ditangani A. Samad Ismail (2008) membangkitkan tentang cetusan nilai kreatif yang disampaikan Usman Awang dalam pengkaryaan beliau yang tidak sekadar sebuah cetusan kreatif tetapi juga kerangka pemikiran yang bukan sahaja mampu membicarakan masa lalu dan sekarang tetapi juga persoalan masa depan bangsa. Berpaksikan

nasionalisme, pejuang bangsa dan Bahasa Melayu merupakan elemen yang sering bertempelan dalam kepengarangan Usman Awang. Penulisan Usman Awang memperlihatkan pola perubahan mengikut dekad perkembangan zaman kehidupannya. Isu semasa berkaitan sosialisasi digarap dan diolah secara berhemah sebagai menegur serta mengkritik kepincangan kepimpinan dan politik demi memajukan bangsa Melayu, di samping membentuk nilai-nilai moral dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Mendasari secara terperinci, secara jelas A. Samad Ismail (2008), meletakkan Usman Awang sebagai ikon perjuangan kemanusiaan melalui suara hati yang dilantunkan melalui penulisan kreatif.

Abd. Aziz Itar (2008), menerokai pandangan menerusi artikel, *'Usman Awang, Cukupkah Hanya Melalui Seminar?'*. Menjelaskan bahawa kepincangan dalam mempertahankan khazanah karya Usman Awang. Menurut beliau, Usman Awang yang juga Sasterawan Negara ketiga (Kamal Abdullah, 1983) merupakan seorang tokoh dalam bidang sastera yang mempunyai keunggulan tersendiri dalam berkarya. Usman Awang tidak hanya berkarya sebagai rentas hiburan semata-mata, tetapi setiap hujahan penghasilan karya beliau sarat dengan jiwa perjuangan mempertahankan nilai kemanusiaan. Kepengarangan Usman Awang dalam dunia sastera tidak perlu dipertikaikan lagi, ekoran setiap bait kata yang disampaikan melalui medium bahasa itu menjadi perisai dalam mempertahankan hak asasi kemanusiaan masyarakat. Beliau bukanlah seorang yang menuntut reformasi secara peribadi, tetapi rayuan suara hatinya adalah mewakili rakyat yang sentiasa tertindas dari kuasa birokrasi. Pengkajian Abd. Aziz Itar (2008) ini menyuarakan hasrat agar setiap karya penulisan Usman Awang dijadikan sebagai khazanah yang mampu menjadi medium dalam mempertahankan keharmonian masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

Arifin Kurniawan (2010) dalam kajian sarjananya mengungkap penelitian unsur semiotik menerusi cerpen Afrizal Malna bertajuk *'Ayah Telah Berwarna Hijau'* dan *'Menanam Karen di Tengah Hujan'*. Menerusi kajian tersebut persoalan yang dibangkitkan adalah menerokai sejauh manakah simbolisme yang diwujudkan dalam pengkaryaan cerpen ATBH dan MKDTH sebagai refleksi dari manusia yang kehilangan identiti. Selain itu, kajian ini turut memberi tumpuan tentang deskripsi makna yang terkandung dalam kedua-dua cerpen tersebut. Hasil kajian yang dijalankan, disimpulkan bahawa penggunaan simbolik dalam cerpen tersebut merupakan sebagai refleksi pengarang tentang masalah sosial dan kebangsaan yang berlaku di Indonesia. Penerapan elemen seperti ikonik, indeks dan simbol dalam penerapan teori simbolisme merupakan satu identiti yang diluahkan secara intrinsik. Tujuan tersebut adalah sebagai sindiran kepada masyarakat khususnya golongan pemimpin dan rakyat agar mampu berfikir secara mendalam tentang falsafah penyampaiannya. Perlambangan yang dicerminkan ini juga adalah sebagai luahan realiti kehidupan sebenar masyarakat Indonesia dan manusia kota yang hidup berubah laku dalam arus modenisasi, global dan dunia kapitalisme yang dikuasai oleh corak pemerintahan yang zalim.

Kajian seterusnya dilakukan oleh Deden Fahmi Fadilah, Zuriyati dan Herlina (2020) yang memperihalkan tentang resepsi pembaca tersasar berkenaan unsur pembangunan yang terdapat dalam puisi kontemporari Afrizal Malna iaitu *'Antologi Berlin Proposal'*. Tujuan kajian tersebut dijalankan untuk memperoleh pemahaman tentang penerimaan pembaca terhadap kandungan penyampaian karya puisi tersebut sebagai satu galakan pembangunan puisi dalam karya Afrizal Malna. Berpandukan teori resepsi sebagai medan penerokaan penganalisisan, disimpulkan bahawa unsur fizikal mencatatkan pandangan yang tertinggi dengan menyatakan bahawa kebanyakan puisi Afrizal Malna sarat dengan sistem tipografi atau simbol. Selain itu, diksi, puisi konkrit atau tersurat, pengimejan dan bahasa figuratif adalah cerminan terhadap pengkaryaan puisi Afrizal Malna, manakala dari sudut intrinsik, kebanyakan pembaca menjelaskan tema, persoalan, rentak, nada dan permainan emosi merupakan pengaruh dalaman yang memberi kesan terhadap pembaca.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian makalah ini menggunakan pendekatan kualitatif. Sumber primer dan sekunder dijadikan sebagai elemen penganalisan kajian. Kaedah yang digunakan adalah melalui kajian kepustakaan dengan merujuk, menganalisis dan menyaring bahan bacaan seperti buku, tesis, artikel jurnal dan makalah. Kajian ini juga adalah bersifat tekstual dengan menganalisis data dari beberapa sajak terpilih Usman Awang (Malaysia) dan Afrizal Malna (Indonesia). Penelitian terhadap kedua-dua orang tokoh sastra nusantara ini dibuat berterasakan kajian bandingan dengan meneliti aspek gaya bahasa yang disampaikan dengan cara tersendiri. Kajian tekstual ini akan menggunakan teori stilistik sebagai pengukuran penganalisan. Penelitian setiap sajak ini merangkumi aspek gaya bahasa, teknik penulisan, unsur kesamaran, bauran kiasan dan perlambangan atau semiotik. Elemen ini menjadi pemfokusan kajian bagi memperlihatkan keunggulan kepengarangan Usman Awang dan Afrizal Malna dalam mengungkapkan komponen falsafah gaya bahasa melalui karya yang terhasil di samping memperlihatkan perbandingan stail antara penulis Malaysia dan Indonesia.

## **KONSEP GAYA BAHASA**

Olahan gaya bahasa dalam penulisan merupakan stail yang menggambarkan identiti kepengarangan seseorang penulis. Kepelbagaian ini sering kali disengajakan bagi mencerminkan tidaksamaan dalam penulisan masing-masing di samping sebagai pengenalan terhadap keperibadian seseorang pengarang itu. Jika Usman Awang terkenal dengan aliran romantisme, begitu juga A. Samad Said melantun kata dalam bauran polemik, manakala Baha Zain pula begitu selesa menghujahkan kepengarangan penulisannya bersandarkan pejuang tema kemanusiaan yang disampaikan secara berfalsafah. Meneliti teknik gaya bahasa dari negara serantau seperti Indonesia, bauran radikal dan sosialis terkenal dalam kalangan penyair seperti Sitor Situmorangi H.B Jasin dan Hendra, manakala Afrizal Malna sebagai penyair yang bergaya dalam kepenyairan berbentuk simbolisme atau perlambangan dengan tema streataip dunia ketiga iaitu persoalan poskolonialisme (Arifin Kurniawan, 2010).

Pandangan Brooks dan Warren (1998) pula menyatakan bahawa gaya merujuk kepada pemilihan dan penyusunan bahasa penulis. Jelaslah bahawa stail mempunyai hubungan peribadi pemikiran seseorang penulis (Makino, 1972, p. 243). Stail atau gaya dalam karya kreatif dapat dianggap sebagai jalinan penulisan yang berhubung dengan diksi, imej, imajan, sintaksis dan unsur-unsur bunyi. Penulis karya kreatif menulis dengan stail yang tersendiri. Medium penggunaan bahasa yang sesuai dengan keinginan mereka disampaikan untuk memberi kesan estetik kepada pembaca. Dalam konteks penulisan sajak, gaya dianggap sebagai cara pengarang menggunakan bahasa untuk menimbulkan kesan tertentu. Apabila sajak dibaca dan dihayati, kesan estetik sajak dapat dirasai malah cuba diberi tafsiran disebalik penggunaan bahasa yang disampaikan pengarang. Selain itu, melalui peranan penggayaan bahasa itu juga mampu menjadikan pembaca mengesan stail yang dipilih atau digunakan oleh seseorang pengarang dalam karya sajak yang terhasil.

Perbicaraan tentang stail atau gaya bahasa dalam hubungannya dengan kesusasteraan sebenarnya adalah pembicaraan yang khusus tentang penggunaan bahasa. Maksud gaya bahasa dalam sajak ialah cara pengarang memberikan watak kepada penulisannya dengan menggunakan bahasa sebagai media untuk menyalurkan idea atau perutusan kepada pembaca. Pengarang haruslah bijak menggunakan bahasa dalam sajaknya kerana kebijaksanaan penggunaan bahasa yang tepat, segar dan asli akan dapat memperlihatkan ciri keindividualan dan peribadi kepengarangannya serta mempamerkan warna kepada keindahan sajak yang dihasilkan. Kepelbagaian gaya bahasa yang digunakan untuk memindahkan fikiran penulis ke media karya sastra dengan berpaksikan identiti tersendiri bukan sahaja menjadikan

bidang sastra divariasikan dengan gaya dan olahan cerita, malah setiap penulis mempunyai daya kreativiti tersendiri dalam menghasilkan karya masing-masing.

## **STILISTIK**

Stilistik merupakan cabang ilmu yang terdapat dalam linguistik. Aspek gaya bahasa dan olahan diksi adalah prinsip yang ditekan dalam kajian tersebut. Keterangkuman itu merangkum gaya atau olahan seseorang pengarang dalam menggarap hasil penulisan dalam sesebuah karya. Stilistik merujuk kepada penggunaan prinsip linguistik terhadap bahasa sastra yang diteliti dari aspek morfologi atau ilmu gaya bahasa. Variasi linguistik ini mempunyai hubungan yang rapat dengan konteks teks dan konteks situasi. Stilistik mempunyai hubungan yang rapat dengan disiplin sosiolinguistik (pengalaman) dan dialektologi yang dipengaruhi oleh faktor demografi. Kedua-duanya pula merupakan cabang linguistik yang saling bersangkutan dalam mengungkapkan gaya kepengarangan seseorang pengarang. Freeman (1970) menyatakan stilistik itu melihat penggunaan bahasa yang menyimpang atau deviasi daripada norma tatabahasa, penggunaan pengulangan dan meminjam usaha pengarang (dalam konteks ini penyair) untuk mendapatkan kepadatan tulisannya. Murray (1960) pula berpendapat bahawa stilistik itu ialah gaya sebagai sesuatu yang istimewa, sebagai teknik eksposisi, pencapaian estetika dan pernyataan sikap penulis manakala pemilihan kata serta penyusunan struktur ayat itu memperlihatkan ciri-ciri keperibadian penulis. Penelitian gaya bahasa sastra khususnya bahasa puisi merupakan deviasi atau penyimpangan bahasa yang paling menonjol. Menerusi kajian puisi, stilistik melihat kaitan gaya bahasa puisi melalui unsur linguistik seperti fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Stilistik juga melihat puisi sebagai gaya bahasa kreatif yang membenarkan proses penyimpangan menerusi aspek linguistik secara eksplisit mahupun implisit. Kajian stilistik sememangnya menekankan cabang linguistik dalam proses penganalisisan sesebuah karya sastra. Tujuan utamanya adalah untuk melihat dan mengesan nilai estetik pemakaian gaya bahasa bagi setiap karya sastra yang diselidiki. Penerokaan ilmu stilistik dalam kajian karya sastra sememangnya mampu membantu menvariasikan disiplin kritikan sastra supaya menjadi lebih mantap, beraneka ragam serta tahap penghayatan karya sastra itu dapat diangkat keunggulannya (Mana Sikana, 2009).

### **Stail Kepengarangan Penyair**

Karya kreatif dalam genre puisi dan prosa tidak sama dengan karya bukan kreatif. Pengarang karya kreatif lebih menjurus kepada stail kepengarangannya yang tersendiri dalam proses penciptaan sesebuah karya. Jika dibandingkan antara puisi dengan karya prosa, gaya dan deviasi lebih terlihat menerusi karya puisi. Masing-masing penyair ternama seperti Djoko Damono, Chairil Anwar, Sutardji Calzoum Bachri, Sitor Sitomurung, W.S. Rendra, Amir Hamzah, Sapardi Djoko Damono, dan Afrizal Malna di Indonesia atau Muhammad Haji Salleh, Kassim Ahmad, Usman Awang, Baha Zain, Latiff Mohidin dan Kemala di Malaysia, mempunyai stail kepenyairan yang tersendiri. Menurut Mana Sikana (2009), stail kepengarangan seseorang penyair lebih tercermin dengan unsur deviasi gaya bahasa yang dipakai. Gaya atau stail dalam proses penciptaan puisi pula dapat dianggap sebagai hak cipta dan hak diri yang dipakai penyair melalui eksplorasi ragam bahasa dalam berkarya. Penerapan gaya bahasa yang pelbagai juga memperlihatkan stail kepengarangan penyair ketika proses berkarya yang dianggap sebagai mewarnai ciri keperibadiannya. Ketika proses penghasilan karya, sering kali penyair tidak menyedari tentang stail yang dimiliki. Namun, keunikan yang dilabelkan kepada mereka itu terhasil melalui kritikan daripada pembaca dan penyelidik yang menyelami gaya bahasa yang wujud dalam karya sajak yang tercipta.

Kritikawan sastra yang memakai acuan linguistik lebih melihat aspek gaya bahasa dalam bahasa puisi dan ia merupakan sebahagian daripada gagasan yang wujud dalam teori stilistik. Gaya bahasa yang dimaksudkan adalah gaya bahasa yang mencakupi diksi atau pilihan leksikal, struktur kalimat, gaya bahasa, pola rima, yang digunakan pengkarya dalam menghasilkan sesebuah karya (Umami, 2009; Sudjiman dalam Fillaili, 2007). Genre puisi atau sajak yang terhasil tetap mengandungi beberapa bentuk deviasi kerana setiap penciptaan itu terhasil melalui proses dan ciri-ciri tertentu. Kepebagaian gaya bahasa merupakan lumrah yang terdapat dalam setiap penghasilan karya sastra, khususnya puisi. Menurut Dharmawijaya (1998) penggunaan bahasa oleh penyair merupakan penerapan sistem bahasa yang ada. Justeru, penggunaan bahasa oleh seseorang penyair adalah sekaligus penerapan konvensi puisi yang ada. Justeru dalam proses penciptaan puisi itu sendiri, soal kongkongan bahasa tidak dikenakan terlalu ketat (Rosna Mohd Khalid, 2008). Sifat puisi sendiri mempunyai kebebasan pemakaian dan penggunaan yang pelbagai unsur bahasa untuk penyampaian mesej penyair kepada khalayak.

Gaya bahasa yang digunakan oleh setiap penulis atau penutur bahasa adalah berbeza-beza. Gaya bahasa merupakan pemanfaatan atas kekayaan bahasa oleh seseorang dalam bertutur atau menulis. Pada umumnya, perbezaan ini merupakan ciri khas tertentu bagi seseorang penulis atau penutur. Sebagai contoh, dalam sebuah puisi, gaya penulisan menekankan unsur yang berkaitan dengan fungsi dalam teks itu sendiri. Gaya bahasa sebuah teks puisi ditentukan oleh maksud ataupun tujuan penulis yang menghasilkan puisi tersebut. Selain itu, unsur kebiasaan seorang penulis serta unsur kedaerahan juga dapat mempengaruhi gaya bahasa seorang penulis puisi. Oleh itu, menerusi penulisan ini akan memberi tumpuan kepada gaya bahasa puisi Penerima Anugerah S.E.A Write dari dua negara serantau nusantara iaitu Usman Awang (Malaysia) dan Afrizal Malna (Indonesia) yang ditangani secara bandingan.

### **LATAR BELAKANG USMAN AWANG**

Usman Awang atau nama sebenarnya Wan Osman Wan Awang dilahirkan pada 12 Julai 1929 di Kampung Tanjung Lembu, Kuala Sedili, Kota Tinggi, Johor Darul Takzim. Mendapat pendidikan setakat darjah enam Sekolah Melayu sahaja. Faktor kemiskinan tidak mengizinkaninya mengecap kejayaan yang lebih baik. Beliau pernah menuntut di daerah Kuala Sedili (1936), Mersing (1937) dan Bandar Maharani (1940). Ketika Jepun melanda Malaya pada tahun 1942, Usman Awang memerah keringat sebagai seorang anak tani di Segamat. Tidak lama kemudian beliau menjadi buruh paksa Jepun selama enam bulan di Singapura.

Usman Awang mula membentuk namanya dalam dunia Persuratan Melayu moden dengan menulis sajak. Sajak-sajaknya sentiasa segar, kukuh serta akrab dengan akar budi Melayu dan perikemanusiaan. Antara sajaknya yang cukup popular ialah Bunga Popi, Gadis di Kuburan, Pak Utih, Ke Makam Bonda, Nasib Buruh dan Dalam Benua. Usman Awang juga menulis cerpen tetapi bidang ini sudah lama ditinggalkannya sejak akhir tahun 1960-an lagi. Selain daripada sajak, satu lagi bidang kreatif yang mengharumkan nama Usman ialah drama. Bidang ini telah diterokanya sejak awal tahun 1960-an dengan menulis banyak drama untuk radio dan pentas. Usman Awang masih terus memainkan peranannya dalam kesusasteraan Melayu. Beliau dikatakan merupakan seorang yang berjiwa besar dalam bidang sastra dan tidak jemu-jemu memperkayakan budaya negara. Beliau telah dilantik sebagai salah seorang anggota Panel Hadiah Karya Sastra dan juga telah dianugerahkan gelaran Pejuang Sastra oleh Perdana Menteri pada 29 Mei 1976. Mulai tahun 1979, kerana ketokohan, pengalaman dan dedikasinya, beliau dilantik menjadi setiausaha kepada Panel Anugerah Sastra, sebuah badan kehormat yang tertinggi di tanah air.

Tahun 1982 Usman Awang telah terpilih menerima SEA Write Award. Pada 11 Ogos 1983 Usman dianugerahkan pula Ijazah Doktor Kehormat (Persuratan) oleh Universiti Malaya. Usman Awang juga adalah penerima Anugerah Sastera Negara bagi tahun 1983. Akhbar Berita Harian telah menganugerahi Usman Awang Zamalah Sastera dalam tahun 1985 iaitu untuk kategori Penulis Terkenal (Veteran). Dalam tahun 1991 juga, beliau dianugerahi Darjah Kebesaran Dato Paduka, yang membawa gelaran Datuk oleh Baginda Sultan Perak.

Usman Awang mula mencipta nama dalam dunia persuratan Melayu moden dengan penulisan sajak. Antara sajaknya yang cukup popular ialah *Pak Utih*, *Ke Makam Bonda*, *Nasib Buruh*, *Bunga Popi*, *Gadis Di Kuburan*, dan *Salam Benua*. Bagi novel penulisan beliau yang masyhur sehingga kini ialah *Tulang-tulang Berserakan*. Begitu juga dengan cerpennya yang hebat seperti *Untuk Malaya Merdeka*, *Turunnya Sebuah Bendera*, dan *Kami Yang Terlibat*. Usman Awang turut menghasilkan genre penulisan drama yang bertajuk *Muzikal Uda dan Dara*, *Degup Jantung*, *Malam Kemerdekaan*, *Tamu Di Bukit Kenny*, *Matinya Seorang Pahlawan-Jebat*, dan *Serunai Malam* yang turut dipentaskan.

### LATAR BELAKANG AFRIZAL MALNA

Afrizal Malna lahir di Jakarta pada 7 Jun 1957. Pendidikan akhir beliau adalah di Sekolah Tinggi Filsafat Driyarkara namun tidak lulus kerana dirinya tidak ingin mengikuti ujian. Beliau merupakan seorang sasterawan dan penyair Indonesia yang aktif menulis prosa, puisi, dan teks pertunjukan teater. Afrizal Malna merupakan sasterawan dan penyair serba boleh yang sering mengeksplorasi setiap hasil karya sasteranya. Karya Afrizal Malna tidak hanya dapat disampaikan dan dinikmati secara media tulisan tetapi beliau juga terkenal melalui gambar audio visual yang diciptanya dalam bentuk *visual-art*.

Kebanyakan karya Afrizal Malna dianggap istimewa kerana beliau sering menghasilkan puisi tanpa rima, tidak beraturan dan bebas. Beliau pernah memunculkan aliran '*Afrizalian*' dalam penulisan puisi di Indonesia. Afrizal sendiri mengakui bahawa puisi memang tidak hidup dalam dirinya sendiri, puisi hidup dalam diri pembaca yang terbuka terhadap ingatan atau berbagai pengalaman peribadi dan sosial. Lantaran itulah beliau pernah mengatakan bahawa sebagai seorang penyair tidak boleh hanya bersemboyan iaitu 'sekali bererti habis setelah mati' seperti yang telah dilakukan oleh Chairil Anwar. Oleh itu, dalam karya-karya Afrizal Malna yang berbaur prosa dan naratif, tidak hanya berhenti pada satu pola sahaja. Setiap antologi yang diterbitkan selalunya tidak berkisar kepada perkara yang sama dan hadir dalam nafas yang baru dari sudut tema, perlambangan, sehinggalah kepada cara penyampaiannya. Perkara itulah yang membuatkan karya Afrizal tidak statik dan tersusun mengikut tema-tema tertentu yang biasa dilakukan oleh penyair yang lain.

### ANALISIS DAN PERBINCANGAN PUISI USMAN AWANG

#### Gaya Pantun

Pantun adalah puisi yang mempunyai bahagian pembayang dan maksud. Sesebuah pantun terdiri daripada jumlah baris genap, iaitu sama ada dua baris, empat baris, enam baris, lapan baris, sepuluh baris, 12 baris atau pun 14 baris. Setiap baris selalunya terdiri daripada empat perkataan. Dengan jumlah perkataan yang demikian, jumlah suku kata untuk setiap baris adalah di antara lapan hingga 12 suku kata.

Pantun empat kerat mempunyai rima akhir a-b, a-b, pantun enam kerat mempunyai rima akhir a-b-c, a-b-c dan demikianlah seterusnya. Di alam Melayu pantun empat kerat merupakan pantun yang paling popular dikemukakan. Pembinaan baris-baris pantun memerlukan



kecekapan. Ada pendapat mengatakan bahawa pembayang dalam pantun hendaklah melukiskan keindahan alam. Fakta tersebut sememangnya boleh dipersetujui, namun harus disedari bahawa yang paling penting dalam pantun ialah kesesuaian di antara bahagian pembayang dengan maksud. Sajak Usman Awang pada akhir tahun-tahun 40-an dan awal tahun 50-an yang terbit dalam *Antologi Gelombang* pada tahun 1961, dengan jelas memperdengarkan nada, suara, irama dan pergerakan baris yang mendengungkan setia dan jujur sifat serta peribadi puisi Melayu lama kembali.

Meneliti puisi Usman Awang, yang sering diungkapkan adalah unsur bentuk dan di dalam bentuk itu terangkum bauran pantun dan syair. Oleh itu, dalam sajak *Jiwa Hamba, Langit Tinggi, Aku Sedar, Gadis Suci dan Kami Tetap Bekerja*, beberapa unsur gaya pantun dikutip dan diadunkan kembali. Contohnya, dalam sajak *Langit Tinggi dan Aku Sedar*, penyair mengambil bentuk pantun dan memberikan penekanan terhadap bunyi seperti yang terdapat pada rangkap pertama, iaitu:-

Kalau aku tahu langit itu tinggi,  
Aku cuba juga menghulurkan tangan mencapainya,  
Kerana aku tidak sedarkan diri,  
Aku dimainkan dengan gula madu.

(Usman Awang, 1979, p. 4)

Kalau sekarang aku telah ingat sedar,  
Baru bangun dari tidur mengantuk,  
Sedar dalam dunia yang sekarang bergegar,  
Setelah lama hidup ini terkutuk.

(Usman Awang, 1979, p. 6)

Merujuk petikan teks tersebut, secara jelas memperlihatkan penggunaan gaya pantun dalam karya Usman Awang. Mutu pantun ternyata sekali ditentukan oleh gaya dan lenggok rimanya. Selain bentuknya yang bercorak puisi Melayu lama, iaitu empat baris serangkap (quatrain), gaya Usman banyak dipengaruhi oleh gaya pantun, iaitu hujung rima setiap baris berentak a, b, a, b. Oleh sebab bentuknya seperti pantun, maka rentak yang terhasil daripadanya juga berentak pantun. Usman ternyata berhasrat untuk mengekalkan gaya tradisi melalui sajak ini. Gaya inilah yang telah menguasai keseluruhan kegiatan karyanya, meskipun kemudiannya terdapat perubahan teknik penulisan puisi yang dihasilkan beliau.

### **Gaya Bahasa Politik**

Usman Awang yang sering kali dilabelkan sebagai penyair berentak romantisme, sebenarnya tidak hanya terikat kepada satu aliran sahaja. Usman Awang lebih bersifat *multitalent* atau serba boleh dalam menghasilkan karya. Beliau sering berbicara tentang tekad perjuangan untuk mendapat dan menghilangkan sesuatu. Usman dan penulis sezamannya berada di tengah semarak semangat nasionalisme. Mereka turut menyuarakan impian untuk mencapai kemerdekaan dan memberikan pandangan tentang keburukan penjajahan dan kemurnian kemerdekaan.

Bagi Usman Awang sendiri, pemikiran terhadap penjajah dan kemerdekaan terbentuk daripada pengalaman dan penglibatan peribadi yang secara langsung membawanya berhadapan dengan soal tersebut. Pengalaman yang dimaksudkan adalah tugasnya dalam pasukan polis pada satu ketika dahulu. Sebagai anggota polis, beliau dan rakan sejawatan menggadaikan nyawa untuk menjaga keselamatan dan harta benda daripada ancaman komunis. Akan tetapi, jiwanya dapat merasakan bahawa harta benda yang dijaga bermati-matian itu bukanlah

kepunyaan anak negeri, bahkan kepunyaan bangsa penjajah. Beliau mula merasakan bahawa perjuangan mereka hanyalah untuk kesenangan bangsa penjajah sedangkan petani miskin semakin dihimpit kesusahan (Zurinah Hassan, 1990). Oleh itu, ciri-ciri nasiolisme itu sentiasa aktif, bergerak dan hidup subur dalam jiwa manusia tetapi perluahan ketidakpuasan itu tidak mampu diungkap secara terang-terangan kerana adanya peraturan dan sistem yang dominan, maka sebagai manusia yang berjiwa seni, Usman Awang menggunakan sastera sebagai alat dan bahan melontarkan perasaannya.

Sajak “*Korban Tanah Air*” ternyata penulis meluahkan kekejaman dan penindasan yang berlaku. Sajak tersebut ditulis setelah Usman melihat sahabatnya yang juga perajurit terkorban dalam pertempuran. Kenyataan tersebut dapat dilihat menerusi penurunan teks;

Biar dia telah pergi  
Atau gugur ke persada ibu  
Yang ... takkan kembali  
Meninggalkan bakti dan jasa

Dia hanya seorang mata-mata  
Atau hanya perajurit yang berbakti  
Meninggalkan bingkisan jasa  
Pada bangsa dan ibu pertiwi

(Usman Awang, 2006, p. 58)

Merujuk petikan tersebut, sajak ini amat sederhana dari segi teknik penyampaiannya. Namun begitu, ia memperlihatkan pembukaan yang penting kepada persoalan tentang tanah air dan rakyat yang bakal timbul dalam karya seterusnya. Tema sajak yang memperkatakan seorang pahlawan atau perjuangan adalah sesuatu yang biasa dalam sajak sebelum pasca kemerdekaan, tetapi yang menarik pada sajak tersebut, Usman mula menampakkan bibit keraguan tentang erti kematian seorang pejuang di pihak kerajaan penjajah. Kejadian tersebut membuatkan Usman Awang lebih jauh merenung ke dalam erti perjuangan mereka sebagai anggota perajurit. Lanjutan daripada itu lahirlah sajak “*Anjing Itu*”. Sajak tersebut sekali lagi membicarakan tentang masa yang terkorban dalam tugasnya. Pada peringkat ini Usman lebih memberikan pandangan bahawa kematian semata-mata menjaga keselamatan penjajah hanyalah satu kematian yang sia-sia. Penegasan ini dapat dilihat berdasarkan teks tersebut:

Anjing itu kurus kelabu  
Lidah terjelir nafas termengah-mengah  
Menjaga istana tuannya yang gemuk  
Patut setia, menerima dan menyerah.  
Anjing itu, sering menyalak-nyalak selalunya mendayu-dayu  
Bukan kerana ada musuh  
Tetapi minta makanan, perutnya lapar  
Tuannya hanya mencampakkan cebis-cebis roti kering

(Usman Awang, 2006, p. 59-60)

Keraguan terhadap tugas menjaga kepentingan penjajah dan kebencian terhadap penjajah ini mendekatkan Usman Awang dengan soal menuntut kemerdekaan. Dalam pemikirannya, beliau mendapati penjajah sebagai penghalang kemajuan anak negeri. Penjajah mentadbir jajahan mereka semata-mata untuk disesuaikan dengan kepentingan sendiri. Dalam

renungannya, Usman melihat pentingnya semangat dan kesadaran rakyat dihidupkan kembali. Hanya semangat yang kuat, rakyat dapat diseru untuk memperjuangkan kemerdekaan. Lantaran melihat ragam dari alam sekelilingnya, menjadikan Usman Awang sering bergerak dalam pejuang nasionalisme yang menyeru masyarakat melalui pedang penanya untuk menimbulkan semangat nasionalisme dan cita-cita untuk memperjuangkan kebebasan masyarakat, kemanusiaan dan kemerdekaan pada era tersebut.

### **Gaya Ambiguiti**

Pada pandangan Usman Awang, bahasa adalah alat atau wahana jitu, yang dapat mempengaruhi pembaca atau pendengar dan dapat diubah perasaan atau pemikirannya oleh penyair. Menerusi puisi awal Usman, kuasa bahasa ini datang daripada nada yang rendah, beralun lembut dan harmonis. Ambiguiti bermaksud kesamaran atau ketidaktentuan yang memungkinkan dua tafsiran terhadap sesuatu perkara (Dwi Ratna Cinthya Dewi, 2017, Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Bidang sastera Melayu lama sering menggunakan unsur ambiguiti atau perlambangan yang sukar ditafsir oleh akal biasa yang malas meneroka. Sering kali ditemui jalan ceritanya yang mempunyai selingan tentang binatang, alam bernyawa dan tidak bernyawa berkelakuan, bercakap dan bertindak seperti manusia, yang disampaikan secara kiasan ibarat. Pada zaman dahulu juga ia disebut sebagai kiasan permanusiaan.

Sajak Usman Awang turut memaparkan gaya perbandingan atau kiasan, iaitu unsur metafora dan personifikasi. Misalnya, dalam sajak ‘Malam Pertemuan’, diksi seperti, senja dara | rekahan senyuman | ukir bibir disimbah cahaya | angin menyanyi di malam menari | dan | biarlah malam menyimpan rahsia | merupakan sebahagian terjemahan yang mendasari elemen gaya bahasa tersebut. Demikian juga dalam sajak ‘Gadis dan Ayat Suci’, kata-kata seperti, | syurga hidup | lagu Tuhan | dan | bibir syurga | memperlihatkan unsur metafora yang berkesan.

Selain itu, unsur personifikasi turut dicerminkan melalui sajak ‘Kasih dan rindu’. Bait kata seperti, | memeluk rasa | meniti rindu di kalbu sunyi | ke angin lalu memohon pesan | dan | menikam rongga senja | jelas menonjolkan ciri-ciri personifikasi yang amat ketara. Begitu juga pada petikan bait seperti berikut:

Adik,  
 Dalam cinta memeluk rasa,  
 Meniti rindu di kalbu sunyi,  
 Mencari tapak berpijak kasih,  
 Ke angin lalu memohon pesan.

Untukmu, adik,  
 Kusampaikan bisik hati merindu,  
 Yang menikam rongga hatiku,  
 Sejak kita berpisah menyeksa batinku.

(Usman Awang; 1979, p. 13)

Berdasarkan contoh dari teks ini dapat dilihat penggunaan personifikasi ini digambarkan untuk menerangkan kata adjektif atau kata sifat dari benda yang hidup dengan dikaitkan dengan benda yang tidak bernyawa. Rahman Shaari (1983) menjelaskan tentang pandangan Ismail Hussein bahawa sekiranya diteliti kepopularan Usman Awang yang hampir menjadi sebagai satu institusi di Malaysia, maka ini adalah akibat daripada sikap tradisionalnya dan sikap streotaipnya, iaitu bertentangan dengan sikap individualistik penyair moden. Secara

tuntasnya, boleh dikatakan gaya bahasa Usman Awang pada era 40-an hingga 50-an banyak dipengaruhi dan berhubungan rapat dengan bentuk puisi Melayu tradisional.

## ANALISIS PUISI AFRIZAL MALNA

### Gaya Ambiguiti

Afrizal Malna, penyair yang muncul pada awal 1980-an merupakan seorang penyair yang membuat puisi bagaikan melukis dengan kata. Beliau memberi pendedahan kepada pembaca dengan menvisual dan menggambarkan bait kata dengan corak kebebasan, atau kata-kata yang sengaja dihadirkan melalui bentuk seperti gambar dan simbolik. Penghasilan buku *Arsitektur Hujan* (Afrizal Malna, 1995) merupakan sebuah karya logik bahasa yang memaparkan keunikan tersendiri. Hal ini dinyatakan kerana Afrizal Malna berusaha melakarkan diksi dengan mengambil elemen abstrak, jiwa dan seni rupa.

Dari segi tema, puisinya kebanyakan menampilkan kegagapan berbahasa. Bahkan beberapa sajaknya cenderung menggunakan konsep “logik songsang”. Sebagai contoh puisi berjudul ‘Lemari tahun 1957’ yang dinyatakan berkali-kali membolak-balikkan logik berbahasa dengan memasukkan kata-kata benda sebagai pengganti. Lantaran itu, tidak hairanlah bahasanya sering disalahertikan sebagai bentuk ‘hiperrealiti’ yang sememangnya sengaja dilakukan oleh beliau atau sebaliknya. Sebagai contoh dari petikan puisi tersebut;

“Aku harus memilikinya untuk menyimpan pakaianku. Kalau tidak, pakaianku akan berkarat, akan tidak bias ilalang, akan tidak bias kupu-kupu, akan tak bias lubang hijau”.

(Afrizal Malna, 1995)

Berdasarkan sajak tersebut, Afrizal pada permulaannya menyebut ‘pakaiannya berkarat’, perkara ini sesuai dengan logik bahasa yang menggunakan kata sifat. Namun, pada baris seterusnya, beliau sudah mula bereksperimen dengan menggantikan kata sifat dengan kata benda seperti pada kata ‘ilalang’, ‘kupu-kupu’ dan ‘lubang hijau’.

### Gaya Geometri Atau Angka

Eksperimen bahasa melalui penggunaan nombor turut menjadi ilham kepada Afrizal Malna dalam menghasilkan karya. Perkara ini dapat dilihat menerusi kekerapan beliau memasukkan angka sebagai medan luahan idea. Dalam buku *Arsitektur Hujan*, terdapat beberapa sajak yang mengemukakan fenomena tersebut. Meskipun dalam sesebuah sajak yang mengandungi angka tidak ditampilkan secara menyeluruh, namun kekerapan penghasilan corak sebegitu menampakkan kelainan Afrizal berbanding penyair yang lain. Sebagai contoh telah diturunkan beberapa petikan;

Karikatur 15 menit membawaku berpose, seperti raja-raja telanjang dalam boskom.  
Lalu gadis-gadis 15 menit berlengketan dalam kaleng-kaleng minum. Aku bunting dalam percintaan ini, seperti kuda beranak dalam lemaries. Lalu aku potret diriku jadi karikatur 15 menit. Studio foto meledak, studio foto meledak, wanita-wanita cantik lahir setiap 15 menit. Tak ada lagi kecantikan untuk dipotret, karena setiap 15 menit layar diganti. Tak ada lagi peristiwa untuk dipotret, kerana setiap 15 menit orang jadi karikatur. Karikatur 15 menit mengubah diriku jadi menu makanan, mereka sabun

mandi. Lalu dunia datang padaku seperti kerbau goyang. Sebelum berangkat menguap jadi gas atau buas sabun: 15 menit aku merdeka sampai mati.

(Afrizal Malna, 1995, p. 56)

Kami pernah bertemu 100 tahun yang lalu. Kathi, Kathi yang lampau, gerimis merumuskan tubuh kita kembali, di bawah cuaca dingin, lukisan cat air Albert Anker. Tetapi di lembah itu, tubuhmu jadi hamparan gandum terbakar. udara telah jadi kota padat, Kathi. Aku kunjungi juga menu berbagai bangsa, suku-suku tua di museum antropologi. Tapi tak kutemui juga kau di sana. Dari 100 tahun, potret gementar menyimpan orang-orang diburu, dalam tubuhku. Langit jadi putih masai, seperti spreng yang kau tinggalkan di lembah itu. 100 Tahun kau telah pergi jadi unggas, Kathi, hingga tak ada lagi tangan terjulur di jendela itu: Kita hanya membuat kata, pada sepi 100 tahun di luar sana.

Aku turuni lagi tangga-tangga lembah itu. Ketika aku genggam, burung-burung beterbangan dari tangannya. 100 Tahun telah mengubah kita jadi sungai, Kathi. Lalu aku bawakan selendang berenda, kebaya bersulam dari Tenggara. Tetapi tanganmu tua gementar, menyentuh bahu 100 tahun: Di lembah itu, di lembah itu ... *vergissmeinnicht*, Kathi.

(Afrizal Malna, 1995, p. 13)

Merujuk petikan tersebut dapat dinyatakan bahawa Afrizal Malna sememangnya berkecenderungan menggunakan simbol berbentuk angka dan bilangan dalam wadah pengkaryaan beliau. Perkara ini berkemungkinan Afrizal merasakan bahawa ruang dan waktu bagaikan hidup dalam logik yang terukur. Bagi yang hidup dalam ketidakukuran mampu membuat hidupnya terumbang-ambing tanpa hala tuju. Inilah dasar pemikiran tepat dan logik yang difikirkan Afrizal, malah beliau memikirkan bahawa identiti diri manusia yang sebenar boleh diukur melalui pengukuran dan perhitungan. Beliau juga mengadaikan, ruang kehidupan yang tidak diukur, coraknya tidak menarik kerana akan membuatkan individu dan dunia di sekelilingnya tidak menentu.

Gejala sajak leteran dalam puisi Indonesia mungkin hanya ditemui dalam sajak Afrizal Malna kerana setiap puisi beliau terkandung angka, kegagapan, kebuntuan, matematika dan geometri. Bagi pembaca yang tidak mengenali Afrizal Malna secara implisit, kemungkinan menganggap puisi beliau sekadar luahan yang tidak puitis, berpusing-puisng dan biasa. Namun, penerapan stail sebegitu menjelaskan bahawa karya puisinya dizahirkan sebagai terapi pemikiran melalui angka atau huruf dan kata yang jarang mampu difikir oleh logik akal meskipun beliau berusaha menekankan kata sebagai perkara yang mesti ada kerasionalannya. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa, hanya sajak Afrizal sahaja yang lebih menampakkan keunikan kerana sering bermain dengan konsep geometri ruang imejan. Setiap kata atau angka yang digunakan mempunyai penyampaian makna yang tersirat. Oleh itu, sajak beliau seringkali memperlihatkan wawasan geometri ruang yang berposisi dengan dunia kehidupan kaum mistik atau khayalan.

### **Gaya Aliterasi**

Gaya aliterasi atau perulangan sering ditemukan dalam pertuturan dan penulisan. Menurut Tarigan (1985), aliterasi adalah sejenis gaya bahasa yang memanfaatkan pengaplikasian kata yang permulaannya sama bunyi. Pengayaan konsep penulisan sebegitu sering mewujudkan

pengulangan konsonan yang sama dan sering kali digunakan dalam penulisan puisi yang bertindak sebagai penegasan dan nilai estetika. Gaya ini bukan sahaja menimbulkan keindahan dan daya tarikan, tetapi dapat menegaskan maksud. Daripada sudut penutur yang mahu menghafal sesebuah puisi, perulangan memudahkannya mengingati puisi itu. Biasanya gaya perulangan ini sering wujud dalam teks-teks Melayu lama seperti berbentuk prosa klasik seperti mantera, syair, dan gurindam. Lantaran itu ia sangat sinonim dengan bomoh atau dukun yang sering menggunakan gaya ini. Gaya perulangan banyak jenisnya seperti gaya aliterasi atau perulangan anafora, epifora, repetisi, simplok, responsi, homoioteleuton, woordopname dan paralelisme.

Dalam puisi Afrizal Malna, turut terkesan penggunaan gaya bahasa sebegini. Sebagai contoh dalam sajak 'Ember Tumpah di Batanghari', 'Karikatur 15 menit', '24 jam siaran dalam mobil' 'Makan malam bersama Ama dan Ami' dan 'Dia hanya dada'. Dalam sajak 'Ember Tumpah di Batanghari' gaya aliterasi berbentuk repetisi iaitu perulangan kata dalam baris yang sama telah digunakan. Sebagai contoh, 'Bulan Mei, bulan yang lalu'. Begitu juga sajak 'Karikatur 15 menit' juga menampilkan gaya perulangan berbentuk repetisi pada rangkap 'Studio foto meledak, studio foto meledak, wanita-wanita cantik lahir setiap minit'. Selain itu sajak '24 jam siaran dalam mobil' telah menunjukkan penyair menggunakan gaya perulangan anafora. Anafora ialah gaya pengulangan kata pada awal baris secara berturutan (Henry Guntur Tarigan, 1985). Gaya ini dapat dilihat menerusi petikan tersebut:

Yang lalu: Orang-orang menjeritkan harga beras, aliran seni lukis  
 Yang menelan bangkai ayam, tamu-tamu asing, dan kemiskinan  
 Yang mengetuk pintu di malam hari. Kau tetap susun juga ruang...

(Afrizal Malna, 1995, p. 17)

Juga pada sajak 'Makan malam bersama Ama dan Ani' dan 'Dia hanya dada';

Rumah dari Kota Gadang: "Para perantau itu," kata ibuku, "seperti  
 Rumah-rumah Minang yang menusuk telapak kakimu,"....

(Afrizal Malna, 1995, p.20)

Memanggil kupu-kupu plastik  
 Memanggil bunga plastik

(Afrizal Malna, 1995, p. 61)

Jika diperhatikan pada petikan tersebut jelas menunjukkan kekerapan Afrizal Malna dalam menggunakan gaya bahasa aliterasi dalam penghasilan puisi beliau. Berdasarkan faktor tersebut, dapat dinyatakan bahawa pengkarya cuba mewujudkan sajak yang berentak seperti sebuah puisi cerminan klasik, dengan menerapkan elemen gaya repetisi dan anafora melalui penampilan perulangan kata yang sama pada baris hadapan. Berdasarkan tanggapan luar, penggunaan gaya tersebut seolah-olah menyatakan penegasan pengkarya terhadap setiap ayat yang dihasilkan. Teknik sebegini juga adalah gambaran penekanan maksud tersirat yang ingin disampaikan secara halus dan puitis.

## KESIMPULAN

Perbandingan antara dua tokoh Penerima Anugerah S.E.A. Write ini iaitu Usman Awang dan Afrizal Malna memperlihatkan bahawa mereka mempunyai identiti penulisan yang tersendiri apabila mempamerkan ideologi dalam berkarya. Hal ini sejajar dengan pemikiran mereka yang lebih cenderung kepada perkembangan dari aspek politik, sosial dan ekonomi mengikut aliran zaman. Dua orang tokoh penerima Anugerah S.E.A Write ini dipilih kerana, mempunyai kekuatan dalam genre penulisan puisi dan mempunyai nilai keperibadian tersendiri. Kedua-duanya mempunyai persamaan dari aspek perjuangan kemanusiaan namun dikotomi perbezaan jelas melalui teknik gaya bahasa yang digunakan ke atas karya puisi mereka. Usman Awang yang terkenal dengan aliran romantismenya dilihat sebagai ikon tokoh sastera yang terkemuka di Malaysia dalam penulisan sajak. Karya sajak beliau yang lebih berpengaruh dengan tema kehidupan kemasyarakatan, nasionalisme dan bara perjuangan kemanusiaan sering kali menjadi bahan penyampaian mesej yang disampaikan secara implisit. Kesyahduan dan kegramatisan puisi yang dihasilkannya, menjadikan beliau sebagai rujukan penulis malar hijau di Malaysia. Bahasa yang digunakan beliau juga berbentuk mudah difahami umum, meskipun terselit pelbagai unsur perlambangan dan satira. Begitu juga bagi tokoh Anugerah S.E.A. Write 2010 Indonesia iaitu Afrizal Malna, mempunyai kekuatan dan cara tersendiri melakarkan idea menarik dalam penghasilan karya kreatifnya. Nama Afrizal begitu terkenal di negara Indonesia kerana gaya yang diluahkan dalam penyampaian sajak, memperlihatkan keunikan kerana sarat dengan unsur *visual-art*, geometri atau angka. Sememangnya puisi 3 dimensi itu memerlukan penafsiran yang mendalam bagi memahami setiap baris sajak yang disampaikan beliau. Bahkan gaya penulisan Afrizal juga pernah mewujudkan satu aliran “*Afrizalian*” di Indonesia.

Secara konklusinya, pemilihan dua tokoh S.E.A Write terawal dan muktahir ini adalah bertujuan melihat konsep penyampaian idea yang berfokus kepada teknik gaya bahasa yang digunakan dalam penghasilan karya puisi. Kedua-dua tokoh ini amat berpengaruh dalam penulisan puisi dan secara tidak langsung mampu memperlihatkan citarasa penulisan terdahulu dan terkini dalam menggarap idea menghasilkan karya. Usman Awang dan Afrizal Malna mempunyai kekuatan dan cara tersendiri sehingga melayakkan mereka diiktiraf sebagai penerima Anugerah S.E.A Write.

## RUJUKAN

- Abd. Aziz Itar. (2008). *Usman Awang: Cukupkah Hanya Melalui Seminar?*. Kuala Lumpur: Pejabat Utusan Melayu (Malaysia). Berhad.
- Afrizal Malna. (1995). *Arsitektur hujan*. Yogyakarta: Yayasan Bentang Budaya.
- Arifin Kurniawan. (2010). Cerpen Ayah Telah Berwarna Hijau Dan Menanam Karen Di Tengah Hujan Karya Afrizal Malna (Sebuah Pendekatan Semiotik). *Tesis*. Jawa Tengah: Fakultas Sastra Dan Seni Rupauniversitas Sebelas MaretSurakarta.
- A. Samad. Ismail. (2008). Mengenali Usman Awang. *Utusan*. Kuala Lumpur. Pejabat Utusan Melayu (Malaysia). Berhad.
- Azman Rahmat. (2016). Pejuang Kemanusiaan: Satu Wacana Tentang Ketekalan Tema Kemanusiaan Dalam Puisi-Puisi Usman Awang. *Tesis*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Brooks, C., & Warren, R.P. (1998). *Cleanth Brooks and Robert Penn Warren: A Literary Correspondence*. University of Missouri Press.
- Dharmawijaya. (1998). *Dunia Puisi Dalam Penelitian dan Pengajaran*. Shah Alam: Fajar Bakti.

- Deden Fahmi Fadilah, Zuriyati & Herlina. (2020). *Resepsi Pembaca Terhadap Unsur Pembangun Puisi Afrizal Malna Dalam Antologi Puisi Berlin Proposal*. Jakarta: Universitas Negeri Jakarta.
- Dwi Ratna Cinthya Dewi. (2017). Nconsistencynorm (Norma Hukum Yang Tidak Konsisten) Dalam Peraturan Perkawinan Beda Agama (Studi Undang-Undang No. 1 Tahun 1974 tentang Perkawinan dan Undang-Undang No. 23 Tahun 2006 Tentang Administrasi Kependudukan). *Tesis*. Indonesia: Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang Fakultas Bahasa dan Seni.
- Fillaili, S. (2007). *"Lagu Permainan Rakyat Madura"*. Skripsi. Surabaya: Perpustakaan
- Freeman, D.C. (1970). *Linguistics and Literature Style*. New York: Holt Rinehart and Winston, Inc.
- Kamal Abdullah. (1983). *Sastera Dalam Esei*. Kuala Lumpur: Tratra Publishing & Trading Sdn Bhd.
- Keempat, K. D. E. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Makino, S. (1972). Adverbial scope and the passive construction in Japanese. *Research on Language & Social Interaction*, 5(1), 73-98.
- Mana Sikana. 2009. *Teori sastera kontemporari edisi IV*. Selangor: Pustaka Karya.
- Murray, J.M. (1960). *The Problem of Style*. London: Oxford Paperback.
- Rahman Shaari. (1983). *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosna Mohd Khalid. (2008). Puisi-Puisi Eksperimen: Kerelevanan dan Signifikannya Dalam Sajak Melayu Moden. *Jurnal Melayu*, 3.
- Rosni Samah. (2014). The Thought of Islamic Literature in Modern Malaysian Literature. *International Journal of Humanities and Social Sciences*, 7(4), 1082-1088.
- Schipper, M. (1989). *Beyond the boundaries: African literature and literary theory*. Allison & Busby.
- Tarigan, H.G. (1985). *Pengajaran Gaya Bahasa*. Bandung: Angkasa.
- Umami, I.M. (2009). Analisis Wacana Penggunaan Gaya Bahasa Dalam Lirik Lagu-Lagu Ungu: Kajian Stilistika. *Dinamika Bahasa Dan Budaya*, 3(2), 201-217.
- Usman Awang. (1979). *Gelombang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Usman Awang. (2006). *Seorang penyair, sebuah benua rusuh biografi Usman Awang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zurinah Hassan. (1990). *Sasikawan Negara Usman Awang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## BIODATA

Mohd Faradi bin Mohamed Ghazali merupakan lulusan dalam bidang Kesusasteraan Melayu dari Universiti Kebangsaan Malaysia (Ijazah Sarjana Muda Sastera Persuratan Melayu dan Ijazah Sarjana Kesusasteraan Melayu). Kini beliau berkhidmat sebagai pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa Moden dan Komunikasi, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin.

Nordiana Binti Ab Jabar Melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah dalam bidang Persuratan Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia dan terus menyambung diperingkat sarjana dan doktor falsafah di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dalam bidang pendidikan Kesusasteraan Melayu. Kini beliau berkhidmat sebagai pensyarah kanan di Jabatan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.